

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 12 (8)  
Tarikh: 10 Februari 2014

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **MBPJ ANJUR PROGRAM PEMBANGUNAN SKUASY**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mempelawa bakat-bakat muda dalam sukan skuash untuk menyertai program pembangunan skuasy junior tahun ini.

Program penyelaras Mary Ong berkata kanak-kanak sekolah yang berminat untuk menghadiri program latihan hujung minggu boleh mendaftar di Kompleks Sukan Astaka, Petaling Jaya pada 15 Februari 2014 (Sabtu) jam 2.00 petang.

"Kami sedang mencari bakat-bakat baru yang berusia 11 tahun ke bawah untuk digilap bakatnya seklaigus untuk diketengahkan keperingkat yang lebih tinggi dan ianya bergantung pada komitmen dan prestasi pemain tersebut.

"Mereka perlu belajar asas-asas dan ia akan mengambil masa kira-kira enam bulan.

"Berdasarkan kepada kemajuan mereka, kita akan memberikan mereka pendedahan dalam pertandingan dalaman terlebih dahulu," kata Ong.

Program Pembangunan Skuasy Junior ini telah dimulakan sejak tahun 1990 dan memainkan peranan yang besar bagi mempromosikan pembangunan skuash di peringkat negeri dan juga Negara. .

Program ini juga telah berjaya melahirkan beberapa pemain dan bekas pemain yang bertaraf antarabangsa seperti Micheal Soo, Kelvin Ho, Ong Beng Hee dan Tricia Chuah.

Ong berkata mereka juga mempunyai hubungan yang rapat dengan Persatuan Skuasy Selangor (SRAS).

"Mana-mana pemain harapan yang dikenal pasti daripada program MBPJ ini akan diberi peluang untuk menyertai program latihan di SRAS. Mereka kemudiannya akan didedahkan dengan kejohanan kumpulan umur yang dianjurkan oleh Persatuan Skuasy Malaysia," kata Ong.

Untuk maklumat lanjut orang ramai boleh menghubungi penyelaras program di talian 017-8815066.